

CNS6679

U GB 15-01 00162 BA417

aab

Mahathir - Miyazawa

LAWATAN PM JEPUN KE MALAYSIA BERJAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri Jepun Kiichi Miyazawa ke Malaysia sebagai amat berjaya.

+Saya berasa lawatan ini amat berguna kerana Malaysia dan Jepun dapat membincang masalah dua hala,+ kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Miyazawa di Hotel Hilton Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata Malaysia memaklumkan kepada Jepun mengenai keperluan negara ini termasuk pinjaman dan keperluan infrastruktur.

Miyazawa, yang tiba di Kuala Lumpur dari Jakarta Rabu lepas, sedang dalam rangka lawatan ke empat negara anggota ASEAN, yang turut membawa beliau ke Thailand dan Brunei.

Semalam, Dr Mahathir dan Miyazawa mengadakan perbincangan di Jabatan Perdana Menteri mengenai kerjasama dua hala dan isu-isu serantau dan antarabangsa.

Bagaimanapun, isu pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) tidak dibangkitkan pada perbincangan itu. -- Lagi

▼15/01/13-08MST

CNS6690

U GB 15-01 00113 BA418

aab

Mahathir - Miyazawa 2 (akhir) Kuala Lumpur

Bagaimanapun, Dr Mahathir menimbulkan perkara itu pada jamuan malam untuk meraikan Miyazawa di Sri Perdana semalam dengan menyatakan bahawa kumpulan rundingan itu mampu menjadi forum untuk membincang masalah dan mengambil pendirian bersama bagi negara-negara rantau ini.

Setakat ini, Jepun masih belum membuat sebarang pendirian mengenai penubuhan EAEC, yang kini diusahakan oleh ASEAN.

Dr Mahathir berkata beliau tidak membangkitkan isu EAEC pada pertemuan semalam kerana tidak mahu "menyinggung" tetamu negara itu.

Ditanya sama ada Malaysia sedang berusaha mendapatkan sokongan Jepun untuk EAEC, beliau berkata Malaysia mahu "sokongan semua pihak" dan bukan saja Jepun. -- Bernama

▼15/01/13-23MST